

20 APR 1998

Parlimen-Bahas

BANTU SYARIKAT LEMAH UNTUK ELAK PENGUASAAN ORANG ASING

KUALA LUMPUR, 20 April (Bernama) -- Kelab Penyokong Kerajaan (BBC) telah memberi mandat penuh kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) supaya melaksanakan langkah-langkah yang perlu untuk membantu syarikat-syarikat yang lemah akibat kegawatan ekonomi.

Presiden BBC Ruhanie Ahmad berkata tuduhan orang luar yang mengatakan kerajaan menjalankan langkah menyelamat hendaklah diketepikan dan kerajaan hendaklah meneruskan langkah yang sesuai dengan agenda Bumiputera dan agenda nasional dengan membantu yang perlu dan mesti dibantu.

"Bila Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) berkata syarikat yang lemah mahu dibantu... teruskan, kita semua patut sokong," katanya ketika membahaskan rang undang-undang perbekalan tambahan di Dewan Rakyat hari ini.

Kira-kira RM7,020 juta dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan dan bagi memperuntukkan sejumlah wang untuk tujuan tertentu tahun lepas.

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1977 bagi sejumlah RM455,882,070 pula diperuntukan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi pelaksanaan maksud dan butiran projek-projek tahun berkenaan.

Ruhanie (BN-Parit Sulong) berkata tanpa bantuan sewajarnya oleh kerajaan, nescaya orang asing akan masuk dan membeli saham untuk menguasai syarikat-syarikat itu atas nama pasaran bebas.

"Kita tidak mahu melihat orang asing masuk... contohnya jika saham Tenaga Nasional Berhad dan Telekom jatuh merudum dan dibeli orang asing, yang kemudiannya akan menguasai syarikat-syarikat itu, siapa yang akan rugi," katanya.

Beliau memberi contoh syarikat pengeluar kenderaan pacuan empat roda Korea Selatan, KIA, yang popular tetapi kini menunggu untuk dibeli oleh "highest bidder" (penawar tertinggi) yang mampu, yang tentunya terdiri daripada orang luar dari negara itu.

Menurutnya, hari ini ramai yang terperangkap dengan ungkapan yang melumpuhkan seperti "liberalisasi perdagangan dan ekonomi", "globalisasi" dan demokrasi serta kebebasan mengikut ukuran mereka.

5sebenarnya ideologi-ideologi ekonomi itu merupakan senjata bagi orang asing untuk menguasai pegangan saham syarikat dalam negara lain, katanya.

Ruhanie mahu kerajaan menubuhkan jawatankuasa atau suruhanjaya untuk menilai semula pencapaian Bumiputera dalam konteks Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional pasca keruntuhan ekonomi sekarang untuk dicari sama ada masih ada semangat yang berterusan untuk membela Bumiputera.

Beliau juga meminta penjelasan daripada kerajaan terhadap kenyataan Ketua Setiausaha Negara (KSN) baru-baru ini yang dilaporkan akhbar sebagai menyebut bahawa ahli-ahli politik jangan masuk campur dalam urusan kerajaan.

Katanya, kenyataan yang dilaporkan dengan ringkas itu mungkin tidak menyampaikan hasrat sebenar KSN dan menimbulkan kekeliruan yang jika tidak diperjelaskan akan menjejaskan kerjasama antara kakitangan kerajaan dengan ahli politik.

"Bahkan telah wujud salah tafsiran oleh pegawai kerajaan apabila ada pegawai yang berkata bahawa Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna (Tan Chai Ho) mungkin dikenakan tindakan undang-undang kerana kenyataan beliau mengenai masalah air di Kuala Lumpur dikatakan salah," katanya.

Ahmad Husni Hanadzlah (BN-Tambun) pula berkata bank-bank perdagangan perlu membuat kajian terhadap pinjaman-pinjaman yang diberikan untuk mengenal pasti peminjam-peminjam yang berpotensi untuk memberikan masalah supaya mereka dapat dibantu seperti melalui penstrukturan dan penjadualan semula pinjaman itu.

Beliau berkata berikutan peranan sektor perbankan yang sangat penting kerana ekonomi negara bergantung kepadanya, sektor itu perlu diberi perhatian dengan mengkaji kedudukan kewangannya untuk memastikan ia berupaya memenuhi keperluan orang ramai dan perniagaan.

Menurutnya kajian menyeluruh perlu dibuat terhadap pinjaman kerana taraf pinjaman daripada bank perdagangan berjumlah RM250 bilion dengan 52 peratus diberikan kepada sektor pembuatan, kewangan dan perkhidmatan, pembinaan dan perumahan, iaitu sektor-sektor bermasalah.

Datuk Lim Si Cheng (BN-Senai) ketika turut menyokong rang undang-undang itu berkata Jabatan Bekalan Air (JBA) tidak menunaikan tanggungjawab dan fungsinya dengan sempurna sehingga tidak dapat menampung keperluan air bagi pembangunan pesat di bandar dan bandar-bandar baru.

"Kekurangan air akibat fenomena cuaca tidak seharusnya dijadikan alasan kerana punca air di negara ini sangat banyak," katanya, yang mahukan usaha dibuat bagi memastikan negeri-negeri yang mempunyai lebih air berkongsi air dengan negeri-negeri yang memerlukan.

Lim Guan Eng (DAP-Kota Melaka) pula ingin mendapatkan penjelasan kerajaan sama ada benar Perwaja Steel kini mengalami kerugian operasi sebanyak RM10 juta seminggu.

Beliau juga mempersoalkan kewajaran langkah kerajaan untuk menyelamatkan syarikat-syarikat besar yang didakwa mempunyai kaitan dengan pihak tertentu dan membiarkan syarikat-syarikat kecil mati.

Dengan mengambil contoh Perwaja, beliau bertanya siapa yang akan bertanggungjawab terhadap kerugian wang rakyat yang dipinjamnya daripada Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP) jika syarikat itu lingkup.

Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong) pula bertanya kenapa Penerbangan Malaysia (MAS) tidak bersiap sedia menghadapi kekurangan penumpang yang merupakan kemerosotan "putaran" sedangkan syarikat penerbangan lain telah mengambil langkah sedemikian sejak dua tahun lepas.

Katanya dalam kejatuhan nilai ringgit dan kekurangan penumpang dari 1.3 juta orang kepada 1 juta orang, mengapa MAS mesti membeli 25 pesawat baru B777 dan 10 pesawat B747-400.

Beliau meminta kerajaan menyiasat pembelian itu bagi mengetahui keadaan yang sebenarnya.

-- BERNAMA

MNY NAK